

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 130/2022	Kerja-Kerja Menaiktaraf Rumah Semaian, Ruang Pejabat, Stor Simpanan Peralatan Dan Lain-Lain Yang Berkaitan Di Tapak Semaian MPKj, Seksyen 13, Bandar Baru Bangi, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S 131/2022	Cadangan Kerja-Kerja Memasang Pagar BRC Di Tapak Semaian MPKj, Jalan P/1A, Seksyen 13, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G1	CE21		
MPKj S 132/2022	Cadangan Kerja-Kerja Membina Sebuah Gelanggang Futsal Di Kawasan Lapang Jalan Jasmin 7, Taman Jasmin, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S 133/2022	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan 3/1 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi (2) Jalan 3/67 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi (3) Jalan 4/5 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi Dan Lain-Lain Kawasan, Zon Barat, Majlis Perbandaran Kajang			RM50.00	1 September 2022 Hingga 15 September 2022
MPKj S 134/2022	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Persiaran Mahkota Cheras 1 (2) Persiaran Mahkota Cheras 2 (3) Persiaran Jalan Sungai Long Dan Lain-Lain Kawasan, Zon Utara, Majlis Perbandaran Kajang	KKM (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	221002		
MPKj S 135/2022	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan Desa Serdang, Taman Desa Serdang (2) Jalan Balakong Jaya, Taman Balakong Jaya (3) Jalan Putra Budiman, Taman Putra Budiman, Zon Tengah, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S 137/2022	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan Juara Jaya, Balakong (2) Jalan Belimbing, Balakong (3) Persiaran Awana, Cheras Dan Lain-Lain Kawasan, Zon Utara, Majlis Perbandaran Kajang	KKM			

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 138/2022	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan Sri Kenari Utama, Taman Sri Kenari (2) Jalan Balakong Jaya 20, Taman Balakong Jaya, Zon Tengah, Majlis Perbandaran Kajang	KKM	221002	RM50.00	1 September 2022 Hingga 15 September 2022
MPKj S 139/2022	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan Utama Sunway Semenyih (2) Jalan 1/12 Bandar Teknologi Kajang, Zon Selatan, Majlis Perbandaran Kajang				

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Penyebutharga boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **1 SEPTEMBER 2022 HINGGA 15 SEPTEMBER 2022**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 15 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebutharga/ Tender)
Tingkat 6A
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran dan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).